

GARIS PANDUAN 3: SEWAAN KEMUDAHAN KEBUDAYAAN & KESENIAN

KETERANGAN :

Penyediaan perkhidmatan kebudayaan adalah untuk mewujudkan sebuah kehidupan masyarakat yang sejahtera, harmoni dan makmur. Pengisian unsur-unsur kebudayaan yang sihat dalam kehidupan dapat membantu membentuk sebuah masyarakat yang progresif dan proaktif. Penyediaan perkhidmatan kebudayaan dikenakan bayaran yang bersesuaian dengan pekej perkhidmatan yang ditawarkan.

KADAR HARGA KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Kadar harga persembahan untuk kombo:

PAKEJ	KOMBO	KADAR HARGA	
		BIASA	KONSESI
1	Kombo & Alat Siaraya	2,250	1,500
2	6 Pemuzik, 2 Penyanyi	1,500	1,000
3	6 Pemuzik, 1 Penyanyi	1,300	780
4	4 Pemuzik, 2 Penyanyi	1,000	600
5	4 Pemuzik, 1 Penyanyi	800	480
6	2 Penyanyi	600	360
7	1 Penyanyi	350	210

Kadar harga untuk sewaan alat siaraya:

PAKEJ	ALAT SIARAYA	KADAR HARGA	
		BIASA	KONSESI
8	Majlis keraian yang berkapasiti sehingga 200 orang *keraian - kenduri kahwin, seminar, mesyuarat, sukaneka dll	200	150
9	Majlis keraian yang berkapasiti sehingga 500 orang *keraian - seminar, bengkel, mesyuarat agong dll	400	300
10	Majlis keraian yang berkapasiti sehingga 2000 orang (tempat tertutup) *keraian - acara pentas, forum perdana dll	800	600

SYARAT-SYARAT PERSEMBAHAN

- A. Permohonan untuk mengadakan persembahan hendaklah dikemukakan kepada MPSP sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh persembahan.
- B. Bayaran perlu dikemukakan dalam bentuk wang tunai/kiriman wang/bank draf/cek selepas selesai persembahan (bagi persembahan dalam Negeri Pulau Pinang) dan seminggu sebelum persembahan (bagi persembahan di luar Negeri Pulau Pinang).
- C. Penyediaan makan dan minum sebelum persembahan oleh pihak pemohon/penganjur.
- D. Penyediaan penginapan sekiranya persembahan diadakan di luar Pulau Pinang dan perlu bermalam.
- E. Penyediaan bilik persalinan oleh pemohon/panganjur.
- F. Pemberian konsesi akan dipertimbangkan untuk aktiviti-aktiviti rasmi Agensi-agensi Kerajaan yang dihadiri oleh Tetamu Kehormat daripada Exco dan ke atas.
- G. Pengecualian bayaran untuk persembahan hanyalah dengan kelulusan khas oleh Yang DiPertua atau Setiausaha Perbandaran.